

MPK galak peniaga bersedekah

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menyediakan kaunter khas di bazar Ramadan Mahkota Square, di sini, untuk membolehkan peniaga menghulurkan sumbangan makanan kepada golongan kurang bernasib baik sepanjang Ramadan ini.

Yang Dipertua MPK Datuk Fadzilla Salleh berkata,

sumbangan makanan itu bukan saja untuk berbuka puasa, malah juga untuk sahur yang diharap dapat meringankan beban dan memberi lebih keceriaan kepada golongan berkenaan.

Katanya, ia adalah projek perintis MPK bersama badan bukan kerajaan (NGO) Drugs Intervention Community (DIC) dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Dengan adanya kaunter kebajikan ini, peniaga

bazar Ramadan boleh menghantar makanan atau minuman untuk memudahkan segala urusan pemberian kepada golongan memerlukan termasuk gelandangan dan anak yatim piatu.

"Ada peniaga menyediakan makanan berlebihan, dan ia boleh disumbangkan ke kaunter berkenaan sama ada

sebelum atau selepas berbuka puasa.

"Saya juga difahamkan ada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menghadapi

masalah kewangan dan kita simpati dengan nasib mereka," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menurutnya, pada Ramadan tahun ini pihak berkuasa tempatan (PBT) menyediakan 2,050 ruang niaga di 36 lokasi di kawasan pentadbiran majlis itu.

FAKTA

Usaha sama MPK dan DIC jadi perintis projek membantu golongan kurang bernasib baik